

04 JUN 1999

MCA-Wong

SEMANGAT SETIAKAWAN WUJUDKAN KEPERCAYAAN ANTARA PARTI BN

KUALA TERENGGANU, 4 Jun (Bernama) -- Semangat setiakawan antara parti komponen dalam Barisan Nasional (BN) telah mewujudkan kepercayaan antara parti dan masing-masing dapat menerima prinsip perjuangan rakan-rakan di dalam gabungan itu.

Timbalan Setiausaha Agung MCA Datuk Wong See Wah hari ini berkata kerana itu negara telah melahirkan empat Perdana Menteri termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya mengangkat martabat negara dan bangsa tanpa mengira kaum.

Beliau berkata kepimpinan keempat-empat Perdana Menteri itu bukan sahaja bertaraf kebangsaan malah dikenali di peringkat antarabangsa.

"MCA tidak meragui kepimpinan keempat-empat negarawan itu yang telah membawa kemajuan kepada negara ini," kata beliau kepada pemberita sebagai mengulas dakwaan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyifatkan MCA dan MIC sebagai tongkat kepada UMNO.

Katanya kenyataan Nik Aziz yang seolah-olah mempersendakan semangat setiakawan MCA dan MIC dalam BN itu merupakan gimik politik sedangkan dalam realitinya PAS tidak mampu mewujudkan setiakawan seperti BN di kalangan pembangkang.

Wong, Timbalan Menteri Kewangan, berkata masyarakat Cina menolak perjuangan PAS kerana parti itu mengamal dasar perjuangan parti yang sempit.

Katanya, parti-parti pembangkang tidak dapat mengadakan kerjasama yang tulen kerana gabungan itu bertujuan semata-mata untuk mengalahkan BN dalam pilihan raya akan datang.

Katanya, gabungan seperti itu tidak mempunyai satu dasar yang jelas seperti BN yang mempunyai perancangan yang teliti seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Wawasan 2020 serta rancangan-rancangan pembangunan jangka panjang.

Beliau percaya anggota MCA tidak terpengaruh dengan segala dakwah yang dicanangkan oleh pihak pembangkang kerana mereka mencintai kestabilan dan keharmonian dalam parti dan negara.

"Ini ditunjukkan dalam pemilihan apabila cuma 10 peratus sahaja jawatan dalam parti yang dipertandingkan," katanya.

Beliau juga berkata perpaduan di kalangan anggota MCA adalah kukuh dan bersedia pada bila-bila masa untuk membantu BN dalam menghadapi apa juga keadaan terutama pilihan raya.

-- BERNAMA

SBS NMO